

Kumpulan Anak FELDA kumpul 1,202 buku

Simpang Pertang: Kempen Jom Derma Buku anjuran Kumpulan Anak FELDA (KAF) membawa hasil apabila sebanyak 1,202 buku berjaya dikumpul.

Buku itu akan disumbangkan kepada perpustakaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasoh Dua di sini, yang majoriti pelajar adalah anak peneroka dari beberapa tanah rancangan FELDA.

Pengarah projek yang juga Timbalan Pengerusi KAF Pasoh Dua, Dr Siti Mistima Maat, berkata Bahagian Penerbitan Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah penyumbang terbesar, iaitu sebanyak 332 buku sepanjang program yang bermula 24 Julai hingga pada 15 Ogos lalu.

Penyumbang lain termasuk Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri Sembilan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta orang perseorangan.

“Kira-kira 30 peratus sumbangan adalah buku baha-



Jalaluddin menyerahkan buku sumbang menerusi **Kempen Jom Derma Buku** kepada wakil pelajar SMK Pasoh Dua.

[FOTO ABNOR HAMIZAM ABD MANAP/BH]

ru dan menepati modul pelajaran sekarang yang menumpukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang sangat diperlukan oleh perpustakaan SMK Pasoh Dua,” katanya pada majlis penyerahan buku kepada sekolah, semalam.

Majlis disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Jalaluddin Alias.

Siti Mistima yang juga Pensyarah Matematik Fakulti Pendidikan UKM, ber-

harap buku itu akan digunakan secara maksimum oleh pelajar sekolah itu yang memerlukan buku motivasi, biografi, kamus, ensiklopedia dan novel bahasa inggeris.

“Walaupun kempen sudah berakhir, KAF masih menerima sumbangan buku daripada organisasi, syarikat dan individu untuk diserahkan kepada SMK Pasoh Dua dan juga sekolah lain yang menghadapi masalah kekurangan buku berkualiti,” katanya.